

Berita Harian

AKHBAR RAKYAT, AKBAR ANDA

KHAMIS, 25 MAC, 1982

KEPIMPINAN CEKAP, BERKESAN DAN AMANAH

RENCANA PENGARANG

DENGAN pengumuman oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bahawa Parlimen akan dibubarkan pada 29 Mac, 1982 dan tarikh-tarikh untuk penamaan calon dan pembuangan undi ditetapkan mungkin akan berkuranganlah sedikit teka-teki dan spekulasi mengenai pilihanraya. Tetapi ini tidak bermakna yang minat umum terhadap peristiwa bersejarah ini akan berkurangan. Di sebaliknya bagi semua pihak, khususnya bagi mereka yang terlibat secara terus, tempoh lebih-kurang sebulan ini akan merupakan suatu jangka masa yang amat kritis. Pihak Suruhanjaya Pilihanraya yang bertanggungjawab merancang dan menjalankan pilihanraya umum yang ketujuh ini dengan licin dan adil telah pun selesai dengan persediaan awal menyediakan senarai pengundi, mendapatkan alat-alat kelengkapan, melantik pegawai-pegawai pilihanraya, dan mengeluarkan suatu panduan yang

lengkap mengenai pelbagai aspek pilihanraya.

Sementara itu parti-parti politik pula sedang menghadapi tugas penting bukan sahaja merancang dan melaksanakan strategi pilihanraya masing-masing tetapi juga memilih dan menetapkan calon-calon yang layak dipertandingkan. Kepada pemimpin-pemimpin Barisan Nasional, khususnya, ini adalah suatu cabaran yang besar. Matlamat menang dan mengekalkan kuasa memang penting; tetapi turut juga penting ialah mempererat perpaduan dan kerjasama di dalam parti tertentu dan di antara parti-parti komponen. Lebih dari mendapatkan kemenangan untuk calon dan parti masing-masing mereka terpaksa memikirkan bagaimana mencapai kemenangan untuk semua. Mereka juga harus melihat lebih jauh ke hadapan kemenangan akan bererti pemikulan tanggungjawab berat memimpin nega-

ra ke tahap kemajuan yang lebih tinggi. Tetapi pilihanraya juga paling besar maknanya kepada rakyat. Dalam sebuah sistem demokrasi ialah mekanisme asas untuk rakyat menentukan arah dan corak kepimpinan yang mereka kehendaki — satu peluang yang hanya muncul empat tahun sekali. Pilihan yang bijak akan menjamin kemajuan dan kemakmuran untuk negara, atau sebaliknya. Memandangkan kestabilan dan pembangunan yang telah dihasilkan oleh kerajaan Barisan Nasional semenjak Merdeka mungkin pilihan tentang parti tidaklah terlalu rumit bagi enam juta pengundi di negara ini. Tetapi walaupun demikian amatlah penting jentera parti digerakkan sepenuhnya dan para pemimpin memberikan sumbangan dan kesungguhan yang maksimum untuk mencapai matlamat mendirikan sebuah lagi kerajaan, Barisan Nasional yang cekap, berkesan dan amanah.